



KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN BALAS BERKENAAN PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN KERJASAMA PERTAHANAN ANTARA MALAYSIA-AMERIKA SYARIKAT

1. Kementerian Pertahanan merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh YABhg Tun Dr Mahathir bin Mohamad bertarikh 11 Disember 2025 berkenaan Perjanjian Kerjasama Pertahanan antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Untuk makluman, instrumen kerjasama pertahanan yang ditandatangani oleh Kementerian Pertahanan dengan Jabatan Perang Amerika Syarikat (AS) pada 30 Oktober 2025 di sela-sela *ASEAN Defence Ministers' Meeting* (ADMM) dan ADMM-Plus ialah Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, MoU) dan bukannya Perjanjian seperti yang dinyatakan.
2. MoU Kerjasama Pertahanan dengan AS ini bersifat tidak mengikat (*non-binding*) dari segi perundangan dan telah dirundingkan sejak tahun 2020 iaitu 5 tahun yang lalu. Pemeteraian MoU Kerjasama Pertahanan dengan AS ini tiada kaitan dengan *Agreement on Reciprocal Trade* (ART) yang telah dimeterai pada 26 Oktober 2025 di sela-sela *ASEAN Summit* di Kuala Lumpur.
3. Kandungan MoU Kerjasama Pertahanan ini tertumpu kepada aktiviti-aktiviti dua hala antara Malaysia dengan Amerika Syarikat merangkumi pembangunan keupayaan dan kapasiti, latihan dan eksekusi ketenteraan, sains, teknologi dan industri pertahanan, serta bidang-bidang lain yang dipersetujui bersama melalui *Malaysia-US Strategic Talk* (MUSST) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008.

4. Pemeteraian MoU Kerjasama Pertahanan dengan negara-negara rakan adalah instrumen diplomasi pertahanan seperti yang digariskan dalam Tonggak Ketiga, Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang telah dilancarkan pada tahun 2019 ketika YABhg Tun memegang amanah sebagai Perdana Menteri ke-7.
5. Selain AS, Malaysia turut menandatangani MoU Kerjasama Pertahanan dengan negara-negara lain seperti China (2016), Jepun (2018), Lao PDR (2019), Indonesia (2022), Vietnam (2023) dan yang terkini dengan Emiriah Arab Bersatu (*United Arab Emirates*, UAE) pada 11 Disember 2025. Pemeteraian MoU Kerjasama Pertahanan dengan negara-negara ini termasuk AS adalah seiring dengan dasar luar Malaysia yang neutral dan berkecuali, serta mendokong komitmen negara kepada deklarasi *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN) yang ditandatangani oleh Negara Anggota ASEAN pada tahun 1971.
6. Kementerian Pertahanan merakamkan penghargaan atas keprihatinan YABhg Tun Dr Mahathir bin Mohamad dalam perkara ini dan menegaskan bahawa pemeteraian MoU Kerjasama Pertahanan dengan AS adalah atas kepentingan negara dalam usaha memastikan Malaysia kekal selamat, berdaulat dan makmur.

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN

MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

13 DISEMBER 2025